

TARIKH	31 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	d10	RUANGAN	Tempatan

## Demonstrasi Bersih 3.0 di Makkah timbulkan masalah kuota haji

# M'sia masih tunggu keputusan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan sehingga hari ini masih menunggu jumlah kuota jemaah Malaysia yang dibenarkan oleh kerajaan Arab Saudi untuk mengerjakan ibadah haji pada tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata kuota jemaah haji sepatutnya diketahui pada bulan Ramadan (sama seperti tahun-tahun sebelumnya), namun pada tahun ini ia mengalami kelewatan.

"Sehingga sekarang kita masih lagi menunggu (jumlah kuota jemaah)...disebabkan itu saya nak mengingatkan agar kita sentiasa perlu menjaga hubungan diplomatik dan hubungan antarabangsa terutamanya dengan kerajaan Arab Saudi.

"Sepatutnya pada bulan Ramadan yang lepas kita dah dapat...bahkan semasa saya bersama rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Makkah baru-baru ini kita masih menyampaikan hasrat tentang kuota tersebut sebab kita nak bersedia bagi penerbangan pertama ke Mekah yang

dijadual pada 17 September nanti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen kesembilan Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Dewan Perdana Felda, di sini, hari ini. Lebih 300 orang penuntut IPB menerima diploma dalam bidang pengajian masing-masing.

Jamil Khir bagaimanapun enggan mengulas mengenai faktor kelewatan tersebut yang berkemungkinan mempunyai kaitan dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang mengadakan demonstrasi Bersih 3.0 di Makkah dan Madinah pada 26 April lepas.

Katanya, perkara itu sukar dipastikan dan bagi menyelesaikan masalah tersebut Tabung Haji telah menggerakkan jenteranya secara intensif bagi mendapatkan maklumat mengenai kuota jemaah dengan kadar segera bagi memudahkan jemaah membuat persediaan.

Mengulas mengenai isu teks khutbah Aidilfitri di masjid dan surau di negeri Kelantan yang berunsur hasutan dan boleh memecah belah perpaduan

rakyat, Jamil Khir yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkata kerajaan negeri Kelantan seharusnya bertanggungjawab dan mengambil tindakan berhubung isu tersebut.

"Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) ada menerima aduan mengenai perkara tersebut...kita sentiasa mengingatkan bahawa khutbah, masjid, mimbar dan imam merupakan elemen teras penyatuan tapi sekiranya unsur-unsur khutbah itu membawa kepada perpecahan ia tidak akan menguntungkan masjid, jemaah serta kariah.

"Sebab itu peranan khutbah biarlah ia memberi keharmonian dalam pembinaan masyarakat dan dalam pembinaan ilmu, satu daripada ruang dan medannya ialah melalui khutbah..khutbah mampu membangunkan modal insan, namun sekiranya ia disertai dengan rasa marah dan tidak puas hati, tentunya tidak mendatangkan keuntungan dan memberi kesan kepada masyarakat," katanya.

Mengenai peranan IPB yang ditubuhkan pada 23 April 1992

oleh MAIWP dalam melahirkan modal insan, Jamil Khir berkata ia bertujuan membantu anak-anak kepada asnaf meneruskan pengajian mereka, mampu bergelar graduan serta mempunyai kerjaya yang cemerlang bagi masa depan mereka.

Selain itu, ia IPB diwujudkan bagi melahirkan profesional muslim yang dinamik, serba boleh, mampu menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga, bangsa dan negara serta dapat meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam.

Katanya, MAIWP turut menyasarkan untuk menyatukan IPB dengan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) dan 'Pusrawi International College of Medical Science' (PICOM) di bawah satu bumbung dan mencapai taraf universiti sekurang-kurangnya dalam tempoh dua atau tiga tahun dari sekarang.

Sehingga hari ini seramai 1,900 orang penuntut yang menuntut di IPB dan ini sekaligus membuktikan kesungguhan dan pendekatan MAIWP dalam membantu golongan tersebut mendapat pendidikan terbaik.-- Bernama